



Tajuk Khutbah:

## **BUKAKAN HATI UNTUK ISLAM**

Siri 41/2011

**09 Zulkaedah 1432 H**

bersamaan

**07 Oktober 2011**

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu  
*<http://jheatweb.terengganu.gov.my>*

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَعَزَّنَا بِالْإِسْلَامِ. أَحْمَدُهُ سُبْحَانَهُ وَهُوَ صَاحِبُ الْفَضْلِ  
وَالْإِنْعَامِ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْأَنْبِيَاءِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا إِخْوَانِي الْمُسْلِمِينَ، اتَّقُوا اللَّهَ، لِأَنَّهُ شَرَحَ صُدُورَكُمْ لِلْإِسْلَامِ  
وَنَوَّرَ قُلُوبَكُمْ بِالْإِيمَانِ.

#### **Sidang Jumaat yang di kasihi Allah,**

Bertakwalah saudara-saudara kepada Allah. Panjatkan kepujian dan pernyataan terima kasih kepadaNya kerana telah membuka dan melapangkan dada saudara dengan Islam dan memberi cahaya iman kepada hati-hati saudara. Justeru janganlah saudara berhenti daripada terus berusaha menambah dan meningkatkan amalan-amalan saudara dan memurnikan lagi akidah saudara, semoga Allah menambah lapang dan meningkatkan kejernihan qalbu dan hati nurani saudara-saudara.

Insya Allah, pada hari Jumaat yang mulia ini, mimbar menjemput ahli jamaah sekalian menginsafi bahawa minda, jiwa dan hati nurani saudara tertakluk kepada pasang surut, bercahaya atau suram, berdasarkan sikap dan sejauh mana kecaknaan saudara untuk memberi dan membuka ruang yang seluas-luasnya kepada nilai-nilai Islam dan cahaya murni iman bertapak kukuh serta meberi makna hidup sebagai seorang Islam yang

beriman dalam erti kata yang sebenarnya. Oleh itu marilah kita hayati seterusnya khutbah Jumaat yang bertajuk “ **Bukakan Hati Untuk Islam**”.

### **Saudara sidang Jumaat yang dimuliakan Allah,**

Bersyukur kita kerana dilahirkan sebagai seorang muslim dan mukmim, insya Allah... Berterima kasih kepada ibubapa kita kerana telah meletakkan nama Islam kepada diri kita dan kemudiannya mendidik setakat ilmu yang ada pada mereka , mengisi dada dan syakhsiah kita dengan nilai2 Islam, iman dan akhlak yang mulia. Namun tanpa usaha dan jihad kita sendiri pula, mungkin nilai Islam dan iman yang disemai itu tidak subur, tidak mekar dan tidak memberi makna sebenar kepada kita sebagai penganut Islam yang beriman.

Memang benar bahawa Allah s.w.t yang berkuasa melapangkan hati dan dada seseorang itu kepada Islam seperti firmanNya dalam surah al-An'am ayat 125:

فَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ يَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ وَمَنْ يُرِدْ أَنْ يُضِلَّهُ يَجْعَلْ صَدْرَهُ

ضَيِّقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصَّعَّدُ فِي السَّمَاءِ كَذَلِكَ يَجْعَلُ اللَّهُ الرِّجْسَ عَلَى

الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٢٥﴾

Yang bermaksud:

“Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi petunjuk kepadanya nescaya Ia melapangkan dadanya untuk menerima Islam; dan sesiapa yang Allah kehendaki untuk menyesatkannya, nescaya Ia menjadikan dadanya sesak sempit seolah-olah ia sedang mendaki naik ke langit. Demikianlah Allah menimpakan azab kepada orang yang tidak beriman.”

Namun ketika di tanya mengenai persoalan tentang alamat hati dan dada yang terbuka luas untuk Islam. Rasulullah s.a.w menjelaskan bahawa ianya sangat bergantung kepada usaha dan sikap seseorang itu berhadapan dengan ajaran Islam dan iman.

Sabda baginda Rasulullah s.a.w:

الإِنَابَةُ إِلَى دَارِ الْخُلُودِ وَالتَّجَافِي عَنْ دَارِ الْغُرُورِ، وَالإِسْتِعْدَادُ لِلْمَوْتِ قَبْلَ

نُزُولِهِ. رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ

Maksudnya:

“ Sikap dan pemikiran yang menjurus kepada alam yang abadi tidak tertawan kepada dunia yang mengelirukan serta senantiasa bersedia menerima kematian sebelum tiba waktunya.”

**Saudara sidang Jumaat yang di kasihi Allah,**

Sikap dan pendirian yang dinyatakan oleh baginda rasulullah s.a.w. itu merupakan tanda atau isyarat bahawa seseorang itu berusaha untuk menjadikan hidupnya tenang, mempunyai pemikiran yang lapang dan hati nurani yang jernih berhadapan dengan arus kehidupan yang berpusar dan boleh mengelirukan. Walau apapun daya tarikan yang boleh membuat dirinya hanyut mengejar kekayaan, pangkat atau nama dia tetap tidak terperangkap hingga menceroboh sempadan atau hudud Allah.

Meskipun dia sangat ghairah untuk meraih keuntungan, kekayaan, kedudukan yang baik dan nama yang harum, tetapi diusahakannya melalui petunjuk syariat meliputi akidah dan akhlak. Nawaitu atau matlamatnya ialah untuk mencapai keredhaan Allah dan saadah(kebahagian) di akhirat melalui pencapaian-pencapaiannya yang baik di dunia.

Dia seperti seorang pedagang akhirat yang mengaut keuntungan dan bekalan daripada kekayaan dunia. Dia tidak pernah berniat mendapat keuntungan dunia demi dunia. Dia sedar bahawa pencapaian di dunia untuk dunia adalah sangat mengelirukan dan merugikan malah boleh membawa kerosakan dan malapetaka.

Firman Allah dalam surah ali-imran ayat 185:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوَفَّوْنَ أُجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَمَنْ زُحِرَ عَنْ  
النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ ﴿١٨٥﴾

Yang bermaksudnya;

“Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati, dan bahawasanya pada hari Kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Maka sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke Syurga maka sesungguhnya ia telah berjaya. Dan tiadalah kehidupan di dunia ini melainkan kesenangan yang memperdayakan.”

### **Sidang Jumaat yang dihidayahkan Allah,**

Dengan mengambil sikap yang di paparkan itu, saudara-saudara sebenarnya sedang mengambil kesempatan dan menggunakan kebijaksanaan saudara-saudara sebagai seorang yang dilapangkan Allah Taala dengan Islam, tidak kira sama ada sebagai seorang yang diwariskan agama Islam oleh kedua orang tua dan masyarakat, atau persekitaran Islam yang harmoni di tempat membesar saudara-saudara, atau saudara-saudara mendapat hidayat Islam hasil daripada usaha dan pencarian sendiri.

Saudara-saudara terus membuka minda, melapangkan jiwa dan melebarkan seluas-luasnya hati nurani saudara-saudara untuk dihuni oleh nilai-nilai Islam, syariat, iman dan ihsan hingga saudara tidak pernah merasa gusar, kesal atau tertekan kerana memilih Allah apabila berhadapan dengan peluang meraih keuntungan duniawi di luar daripada hudud syariat Allah. Pemikiran, jiwa dan hati nurani saudara tetap positif, malahan merasa sangat beruntung dan bersyukur kerana saudara-saudara berjaya mengatasi godaan yang boleh menyebabkan hidup saudara-saudara gelisah akibat dosa-dosa yang ditanggung.

### **Saudara sidang Jumaat yang di kasihi Allah,**

Jadilah diri saudara-saudara seorang Islam yang mempunyai sudut pandang yang luas dan minda yang terbuka melalui akidah, nilai dan amalan-amalan Islam yang mulia. Saudara perlu terpanggil dan terlibat dengan serius dalam usaha-usaha yang boleh meningkatkan amalan soleh dan memurnikan akidah.

Jangan dibiarkan peluang dan kesempatan untuk mencapai kemuliaan akhirat melalui apa yang saudara usaha dan miliki. Dalam ertikata yang lain, makin berjaya saudara, samada dari segi kewangan, pangkat atau kedudukan yang saudara perolehi, dengan izin Allah, makin berpeluang saudara dianugerahkan kehormatan dan kemuliaan di akhirat. Sementara kehidupan saudara di dunia tetap di hormati, dimuliakan dan di hargai.

Firman Allah taala dalam surah Al-Qasas ayat 77;-

وَأَبْتِغِ فِي مَاءِ آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ۖ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنَ  
كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ ۖ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Maksudnya:

“Dan tuntutanlah dengan harta yang Allah kurniakan kepadamu akan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah kamu lupakan bahagianmu dari dunia; dan berbuat baiklah kepada orang lain sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu; dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan”

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ، فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا  
نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ يَتَوَلَّى الصَّالِحِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، أَرْسَلَهُ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا إِخْوَانِي الْمُسْلِمِينَ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَسَارِعُوا إِلَى مَرْضَاةِ اللَّهِ وَلَا  
تَشْغَلَنَّكُمْ الْفِتْنَةُ بِحُبِّ الْمَالِ وَالْجَاهِ، فَمَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ وَأَبْقَى.

إِخْوَانِي الْمُسْلِمِينَ حَفِظْكُمْ اللَّهُ،

Bertakwalah saudara-saudara kepada Allah dan utamakanlah untuk mendapat keredhaan Allah dalam apa jua usaha dan aktiviti hidup saudara. Janganlah kerana asyik mengaut kekayaan dan meraih kedudukan hingga lupa kepada Allah dan syariatnya ,kerana sesungguhnya pencapaian melalui cara-cara yang diredhai Allah itulah yang terbaik dan abadi.

**Saudara sidang Jumaat yang diredhai Allah,**

Bukalah minda dan hati nurani saudara dengan nilai ajaran dan amalan Islam. Hayatilah kehidupan ini dengan berpandukan hidayatul Islam. Dengan demikian hidup saudara-saudara adalah yang benar2 dianugerah dan diredhai Allah. Janganlah diremehkan atau ditanggihkan amalan atau aktiviti yang bernilai agama dengan anggapan bahawa tubuh masih kuat dan umur masih muda. Janganlah dibiarkan pemikiran dan sikap saudara-saudara dibuai oleh keseronokan dan kehebatan hidup di dunia tanpa berasas kepada iman atau Islam. Nanti kelak saudara akan terus

terhimpit, tenggelam dan lemas dalam arus kegelapan hidup apabila segala kekayaan dan kedudukan itu tidak lagi bernilai kerana pencariannya ialah daripada dunia untuk dunia sebaliknya bukan dunia untuk akhirat. Firman Allah taala dalam surah al-An'am ayat 122;-

أَوْ مَن كَانَ مَيِّتًا فَأَحْيَيْنَاهُ وَجَعَلْنَا لَهُ نُورًا يَمْشِي بِهِ فِي النَّاسِ كَمَن مَّثَلُهُ فِي الظُّلُمَاتِ لَيْسَ بِخَارِجٍ مِّنْهَا كَذَلِكَ زُيِّنَ لِلْكَافِرِينَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٢٢﴾

Yang bermaksudnya:

“Dan adakah orang yang mati, kemudian Kami hidupkan dia semula, dan Kami jadikan baginya cahaya (iman) yang menerangi untuk ia berjalan dengan suluhan cahaya itu dalam masyarakat manusia, sama seperti yang tinggal tetap di dalam gelap-gelita (kufur), yang tidak dapat keluar daripadanya? Demikianlah diperlihatkan pula pada pandangan orang kafir itu akan keelokkan apa yang mereka telah lakukan.”

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah sekalian,

Pada hari dan saat yang mulia seumpama ini, marilah kita sama-sama memperbanyakkan selawat dan salam ke atas junjungan besar nabi Muhammad s.a.w, sesuai dengan perintah Allah Taala dalam Al-Quran surah al Ahzab ayat 56 :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

Yang Bermaksud:

“Sesungguhnya Allah Taala dan para malaikatnya sentiasa berselawat keatas nabi(Muhammad SAW), wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kamu keatasnya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan keatasnya dengan sepenuhnya”.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا سِرِي فادوك باكيندا يع دفتوان اكوغ الواثق بالله توانكو ميزان زين العابدين ابن المرحوم سلطان محمود المكتفي بالله شاه. وأنزل الرحمة عليه وعلى سري فادوك بكيندا راج فرمايسوري اكوغ توانكو نور زاهرة. واحفظ اولاده واهله وذويه واقاربه.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكَو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ سُلْطَانَ مِيزَانَ  
زَيْنِ الْعَابِدِينَ. وَاحْفَظْ وَزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ انصُرِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَاجْمَعْ  
كَلِمَتَهُمْ عَلَى الْحَقِّ وَالِدِّينِ، وَدَمِّرِ الْكُفْرَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَالْمُنَافِقِينَ،  
وَأَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا  
تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَؤُوفٌ رَحِيمٌ.

رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنْفُسَنَا وَإِنْ لَمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ. رَبَّنَا  
آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. وَصَلَّى اللَّهُ  
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ. وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عباد الله!

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ،  
وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ،  
وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.